



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

11 PROGRAM DAN PROJEK TELAH DIRANCANG DI BAWAH PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI - MOSTI

KLANG, 26 Ogos 2025 – Majlis Peluncuran Sekolah Angkat MADANI Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Tahun (MOSTI) 2025 telah dirasmikan oleh YBhg Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Sekolah Kebangsaan Telok Gadong, Klang, Selangor.

Majlis peluncuran ini telah dihadiri oleh warga sekolah, pegawai-pegawai MOSTI, wakil daripada pelbagai Kementerian dan jabatan serta pemimpin-pemimpin komuniti setempat. YBhg Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad telah menyempurnakan simbolik penyerahan *mock cheque* peruntukan kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Telok Gadong, Puan Suhaila binti Muner dan Yang Dipertua PIBG, Encik Muhammad Hafiz Bin Bahari.

Selain itu, YBhg Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad turut mengumumkan sumbangan Sudut STEM atau STEM *Corner* yang bernilai RM25,000 kepada pihak sekolah. Sudut STEM ini merupakan inisiatif MOSTI untuk memberi peluang kepada para pelajar mendekati dunia Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan cara yang lebih menyeronokkan dan mudah difahami. Sudut ini diharap dapat menyemai rasa ingin tahu, menyalakan semangat pembelajaran sepanjang hayat serta memupuk minat kepada STEM bermula dari bangku sekolah.

Dalam ucapannya, YBhg Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad telah memaklumkan bahawa, “bagi mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang yang wujud dalam dunia yang didorong oleh Sains, Teknologi, dan Inovasi (STI), program Sekolah Angkat MADANI di bawah MOSTI akan memberikan penekanan yang signifikan kepada aspek STI. Justeru sebanyak 11 program dan projek telah dirancang di bawah program Sekolah Angkat MADANI yang mana turut melibatkan program pendedahan kepada STEM dan literasi digital”.

Berdasarkan kepada peruntukan yang telah disediakan, MOSTI telah meluluskan program/projek berdasarkan komponen berikut :

- **Pembangunan Kurikulum** menerusi fokus kepada penguasaan murid kepada aspek STEM, penghargaan murid cemerlang serta murid yang memerlukan perhatian dan intervensi
- **Pembangunan Prasarana** menerusi kerja-kerja baik pulih kerosakan
- **Pembangunan Profesionalisme** guru meliputi program lawatan bagi peningkatan penanda aras

Antara pengisian menarik sempena Majlis Peluncuran Program Sekolah Angkat MADANI ini termasuklah Pertunjukan Sains dan Pameran Sains Bas Bergerak oleh Pusat Sains Negara, aktiviti Pencerapan Matahari oleh Planetarium Negara, serta pameran outreach Techlympic yang disertai oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan Telok Gadong sendiri.

YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad turut meluangkan masa meninjau beberapa projek di bawah Program Sekolah Angkat MADANI yang sedang dilaksanakan di sekolah ini, sebagai tanda sokongan dan komitmen beliau terhadap kejayaan inisiatif ini.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
26 OGOS 2025

